

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengikut pecahan bulan bilangan rel, muatan dan nilai pengangkutan rel antara Malaysia, Thailand, Laos dan China selepas dilancarkan pada awal April 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengangkutan kereta api barang yang merentasi Malaysia dan Thailand telah beroperasi sejak dari tahun 1999. Bermula bulan Januari sehingga April 2023, purata 20,930 *Twenty-foot Equivalent Unit* (TEUs) muatan kargo telah diangkut dengan kereta api. Sejumlah 26 tren kargo rentas sempadan beroperasi dalam sebulan dengan jumlah nilai hasil bulanan yang direkodkan oleh KTMB adalah RM497,148.03.

2. Manakala, penghantaran kargo melalui pengangkutan kereta api merentasi Malaysia, Thailand, Laos dan China belum dimulakan secara komersil. Ianya kini di dalam proses akhir perbincangan untuk memuktamadkan aspek komersil dan keperluan dokumentasi sepertimana ditetapkan oleh pihak berkuasa di negara masing-masing. Penghantaran pertama kargo menerusi pengangkutan kereta api merentasi sempadan sehingga ke China dijangka dapat direalisasikan pada suku pertama tahun 2024.

Sekian, terima kasih.